

Sayembara Penulisan MENARA

PENGENALAN

Sayembara Penulisan MENARA merupakan peraduan yang diadakan khusus untuk peserta yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu. Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengembangkan bahasa dan sastera kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa memainkan peranan yang aktif untuk menggalakkan penghasilan karya sastera kreatif yang bermutu dalam bahasa kebangsaan. Tujuan **Sayembara Penulisan MENARA** ini diadakan adalah untuk melahirkan lebih ramai penulis pelbagai kaum yang menulis karya kreatif dalam bahasa kebangsaan. Dengan demikian, peserta dapat menonjolkan nilai-nilai murni dan positif berkaitan budaya dan kepercayaan masing-masing kepada khalayak pembaca agar dapat difahami oleh kaum-kaum yang lain. Kategori yang dipertandingkan ialah cerpen dan puisi.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu.
2. Peserta mestilah berumur 18 tahun ke atas pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan.
3. Cerpen dan puisi yang dihasilkan mestilah sesuai untuk bacaan rakyat berbilang kaum di negara ini dengan tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum, kepercayaan atau agama.
4. Setiap peserta dibenarkan menghantar tidak melebihi dua buah cerpen dan dua buah puisi sahaja.
5. Cerpen dan puisi yang dihantar mestilah bertaip dengan jarak langkau dua baris dan jenis tulisan Arial fon bersaiz 12.
6. Panjang teks cerpen adalah antara 1,800 hingga 2,000 patah perkataan (10 hingga 15 halaman), manakala untuk puisi tidak melebihi satu halaman Kertas A4.
7. Cerpen dan puisi yang dihantar mestilah asli, bukan saduran, adaptasi, penyesuaian atau apa-apa sahaja yang membawa pengertian karya itu bukan karya asli dan belum pernah tersiar atau diterbitkan oleh mana-mana pihak.

8. Sekiranya cerpen dan puisi yang dihantar ternyata melanggar mana-mana syarat, penyertaan akan dibatalkan dan jika telah memenangi pertandingan ini, maka hadiah tersebut terbatal dengan sendirinya dan hadiah perlu dikembalikan kepada pihak penganjur.
9. Cerpen dan puisi yang memenangi hadiah akan dipertimbangkan untuk disiarkan dalam majalah terbitan DBP atau diterbitkan dalam bentuk buku sebagai karya antologi.
10. Cerpen dan puisi yang menyertai pertandingan akan menjadi hak milik DBP dan DBP boleh menerbitkannya dalam sebarang bentuk tanpa perlu meminta izin daripada penulis.
11. Pertandingan ini bermula pada 2 Januari 2020. Tarikh tutup pertandingan pada 30 Jun 2020. Peserta mestilah mengisi borang penyertaan secara dalam talian di shorturl.at/eyBMZ.
12. Keputusan panel penilai adalah muktamad.
13. Karya mestilah dihantar melalui e-mel dalam dua (2) format, iaitu format pdf dan MS Word. Setiap cerpen dan puisi hendaklah dihantar ke alamat e-mel: sayembaramenara2020@dbp.gov.my.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Urus Setia,
Sayembara Penulisan MENARA,
Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum,
Aras 19, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

Tel.: 03-21479301 (Huznah Sait)
E-mel: huznah@dbp.gov.my
Tel.: 03-21479299 (Safwan Sanusi)
E-mel: safwan@dbp.gov.my
Faks: 03-2147 9618

HADIAH	
Kategori Cerpen	Kategori Puisi
Pertama RM3000.00	Pertama RM1500.00
Kedua RM2500.00	Kedua RM1000.00
Ketiga: RM1500.00	Ketiga: RM750.00
Sagu hati: (RM700.00 x 5 Pemenang)	Sagu hati: (RM500.00 x 5 Pemenang)

*Pemilihan nama Sayembara Penulisan MENARA merupakan kesinambungan daripada Hadiah Cerpen Malayan Banking – DBP bermula pada 1988 hingga 1996. Kesemua karya pemenang dibukukan dengan diberikan judul *Menara*. Oleh hal yang demikian, tajuk sayembara ini dipilih berdasarkan judul buku dan juga mengambil nama bangunan DBP yang dipanggil “Menara DBP”.